

Program

Hari 1 (25 Jun 2019 - Selasa)

- 8:00 Pendaftaran
- 9:00 Cetusan Rasa
- 9:10 Kata Alu-Aluan
- 9:20 Ucapan Perasmian
- 9:30 **Ucap Tema**
"Pembudayaan Sains dalam Mencapai Wawasan Negara"
- 9:50 Kudapan

GUGUS 1: PERANAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- 10:00 **Ucap Utama 1**
Komunikasi dan Promosi STEM
- 11:00 **Kertas 1**
Manfaat Penajaan Ilmu, Konsep, Idea dan Produk dari Hasil Penyelidikan
- 12:00 **Kertas 2**
Panggilan Pembentangan Kertas Kerja
- 13:00 Merarau

GUGUS 2: PENYEDIAAN BAHAN, GAYA DAN TEKNIK PENULISAN SAINTIFIK

- 14:00 **Ucap Utama 2**
Keberkesanan Bahasa Melayu dalam Penulisan Saintifik
- 15:00 **Kertas 3**
Pengurusan Scopus Jurnal
- 16:00 **Kertas 4**
Panggilan Pembentangan Kertas Kerja
- 17:00 **Kertas 5**
Teknik Pengumpulan Data daripada Kaedah Pensampelan
- 18:00 Kudapan
- 18:15 Tamat Hari 1

Hari 2 (26 Jun 2019 - Rabu)

GUGUS 3: PENULISAN ALAF BARU

- 9:00 **Ucap Utama 3**
Peranan Media dalam Membudayakan Sains
- 10:00 **Kertas 6**
Kaedah Mengubah Hasil Penulisan Saintifik kepada Bahan Bacaan Umum
- 11:00 Kudapan
- 11:10 **Kertas 7**
Panggilan Pembentangan Kertas Kerja
- 12:10 **Kertas 8**
Perundangan dalam Penulisan dan Penerbitan
- 13:10 Merarau
- 14:00 Taklimat Bengkel dan Pembahagian Kumpulan
- 15:00 Tamat Hari 2

Hari 3 (27 Jun 2019 - Khamis)

- 09:00 Bengkel Penulisan Saintifik
- 17:00 TAMAT

Pembentangan Kertas Kerja Secara Lisan atau Poster

Bagi pembentang kertas kerja lisan dan poster yang berjaya, mereka berpeluang untuk terbitan jurnal Antarabangsa di pusat penerbitan terpilih oleh pihak penganjur.

Sila layari laman sesawang <http://trainingcentre.nuclearmalaysia.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat penyertaan pembentangan kertas kerja serta poster.

Borang Pendaftaran

NAMA										
NO.KAD PENGENALAN										
EMEL										
PAKEJ	Seminar Sahaja	A	B	C	D	E				
[✓]	Seminar & Bengkel	F	G	H	I	J				
DIET KHUSUS										
ID PELAJAR										
INSTITUT PENGAJIAN										
Yuran Pendaftaran RM _____ (tunai/cek/deraf bank/ pesanan kerajaan) hendaklah di buat atas nama Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia.										
NAMA PEGAWAI MELULUSKAN										
JAWATAN										
Nama Majikan : _____										
Alamat Majikan : _____										
Cap Rasmi Majikan										
TELEFON						FAKS				

(Sila fotostat borang untuk peserta tambahan)

Pertanyaan

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
Bangi, 43000 KAJANG
(u.p: Pusat Latihan)

Tel.: 03 8911 2000 Samb.: 2608/2601
Tel. Bimbit: 012-436 7769 (Siti Hajar) • 010-306 2180 (Nurhidayu)
Faks: 03 8911 2180
U.p.: Siti Hajar Yusof • Nurhidayu Md. Yusof
Emel: siti_hajar@nm.gov.my • nurhidayu@nm.gov.my

Tarikh Tutup

Penerimaan borang pendaftaran adalah sebelum **10 JUN 2019**.
Peserta boleh mendaftar terus pada hari pertama seminar dijalankan sekiranya masih terdapat kekosongan.

Dikeluarkan: Januari 2019

SEMINAR dan BENGKEL

Penulisan & Penerbitan Saintifik

Pembudayaan Sains dalam Mencapai Wawasan Negara

Kota Bharu, KELANTAN

25 -27 Jun 2019



PANGGILAN UNTUK PEMBENTANGAN KERTAS KERJA SECARA LISAN ATAU POSTER

Tarikh akhir Penghantaran Abstrak
25 Mac 2019

Pemberitahuan Penerimaan sebagai Pembentang Lisan atau Poster
30 April 2019

Penghantaran kertas kerja penuh
29 Mei 2019

Tarikh Seminar
25 - 26 Jun 2019

Pembentangan kertas kerja lisan dan poster serta berpeluang untuk terbitan Jurnal Antarabangsa

Bimbingan secara bersemuka bersama editor saintifik semasa bengkel (27 Jun 2019)

Anjuran



Anjuran Bersama



Dengan Kerjasama



Sokongan



Seminar Penulisan & Penerbitan Saintifik

25 - 26 JUN 2019

2
hari

Pengenalan

Penganjuran Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik 2019 ini merupakan yang kali ke-12 diadakan. Tema 'Pembudayaan Sains dalam Mencapai Wawasan Negara' dipilih bagi memantapkan lagi karya saintifik para karyawan di samping membina profesionalisme dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik. Selain itu, ianya sejajar dengan cita-cita dan hasrat kita untuk melihat penghasilan penerbitan saintifik di Malaysia terus maju dengan karya yang asli, berintegriti dan berkualiti.

Penulisan dan penerbitan saintifik adalah kunci dalam pembentukan dan penyebaran ilmu pengetahuan kerana ia adalah nadi kepada sistem pendidikan dan pembentukan budaya bangsa. Kemajuan sesebuah negara dan masyarakat biasanya dilandasi khazanah penulisan dan penerbitan yang kukuh. Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa penulisan dan penerbitan yang aktif, kemajuan masyarakatnya tidak akan berkekalan.

Di dalam era globalisasi ini, dunia penulisan dan penerbitan saintifik berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memenuhi kehendak profesional dan orientasi perniagaan. Lambakan penerbitan bukan saintifik seperti penerbitan hiburan dan fiksi memberi saingan hebat mengakibatkan pasaran penulisan dan penerbitan saintifik terjejas.

Penulisan dan penerbitan saintifik perlu diperkasa dan dipersembah dalam gaya yang menarik untuk menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat. Budaya membaca ini akan melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

Seminar yang diadakan secara tahunan ini akan mengupas topik dalam dunia penulisan dan akan dibentangkan oleh para pakar dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik. Para pegawai yang baharu akan turut membentangkan kertas kerja mereka yang telah dihasilkan melalui penyelidikan terkini.

SKOP

Satu (1) ucapan tema, tiga (3) ucapatama dan lapan (8) kertas kerja akan dibentangkan oleh penceramah tempatan merangkumi topik di bawah:

- Cabaran penulisan dan penerbitan saintifik
- Hak cipta penerbitan saintifik
- Keselamatan maklumat
- Pengurusan editorial
- Masa depan penulisan dan penerbitan saintifik
- Aspek bahasa dan gaya penulisan
- Penulisan dan penerbitan elektronik
- Undang-undang dalam penulisan dan akta penerbitan
- Pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik
- Pindahan manuskrip daripada hasil penyelidikan
- Terjahan Ledakan Maklumat dan Komunikasi

OBJEKTIF

- Membina profesionalisme dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendedahkan peserta kepada dunia penulisan dan penerbitan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti
- Menambah nilai kepada penulisan dan penerbitan saintifik
- Mendapat praktis terbaik daripada organisasi dan badan yang terlibat dalam penerbitan saintifik

FORUM

Satu forum mengenai cabaran, kemajuan dan hala tuju penulisan dan penerbitan saintifik, keselamatan maklumat, isu pemasaran penulisan dan penerbitan saintifik akan diadakan pada sesi akhir seminar.

Bengkel Penulisan Saintifik 27 JUN 2019

1
hari

Pengenalan

Tanggungjawab seorang penyelidik tidak terhenti dengan berakhirnya kajian di makmal, tetapi tugas mereka perlu dikembangkan dengan menyalurkan hasil kajian tersebut kepada masyarakat luar. Bengkel pasca-seminar ini diadakan bagi memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan penceramah berpengalaman untuk menguasai teknik dan kaedah penulisan saintifik yang berkesan dan mendapatkan panduan untuk meningkatkan peluang artikel tersebut diterbitkan. Penganjuran bengkel ini adalah kesinambungan daripada Seminar Penulisan dan Penerbitan Saintifik 2019 yang diadakan sebelum bengkel.

OBJEKTIF

- Untuk memahami prinsip asas dalam penulisan saintifik
- Untuk mendapatkan kemahiran dalam membangun dan menulis artikel saintifik
- Untuk memberi panduan dalam penyediaan artikel saintifik yang baik
- Untuk mendapatkan panduan menerbitkan kertas penerbitan berwasit dan berimpak tinggi.

KANDUNGAN BENGKEL

Bengkel Penulisan Saintifik 2019 ini adalah untuk memurnikan manuskrip yang sedia ada sebelum dihantar ke jurnal yang telah dikenalpasti. Ia memberi peluang kepada para peserta untuk memberikan sepenuh tumpuan bagi menyiapkan abstrak manuskrip dalam suasana yang lebih kondusif. Platform untuk menjalinkan kerjasama dan perbincangan yang lebih interaktif di kalangan peserta.

Peserta dikehendaki untuk membawa laptop, draf manuskrip sekurang-kurangnya 60% telah siap dan segala bahan rujukan yang difikirkan perlu ke bengkel ini agar proses penulisan akan berjalan dengan lancar.

PESERTA

Terbuka kepada karyawan dari sektor awam, badan berkanun dan swasta yang terlibat dalam bidang penulisan dan penerbitan karya khususnya penyelidik, penyarah, pegawai penerbitan, pustakawan, dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang penulisan dan penerbitan serta orang awam.

Yuran Pendaftaran

YURAN SEMINAR SAHAJA

A	Pendaftaran Perseorangan	RM905.00
B	Pendaftaran Berkumpulan (2 atau lebih peserta dari organisasi sama)	RM855.00
C	Pendaftaran Perseorangan (dengan penginapan)	RM1,405.00
D	Pendaftaran Berkumpulan (dengan penginapan)	RM1,355.00
E	Pendaftaran Istimewa (pelajar dan guru)	RM500.00

YURAN SEMINAR & BENGKEL

F	Pendaftaran Perseorangan	RM1,485.00
G	Pendaftaran Berkumpulan (2 atau lebih peserta dari organisasi sama)	RM1,405.00
H	Pendaftaran Perseorangan (dengan penginapan)	RM2,235.00
I	Pendaftaran Berkumpulan (dengan penginapan)	RM2,155.00
J	Pendaftaran Istimewa (pelajar dan guru)	RM800.00

Bagi yang mengambil Pakej Penginapan

Seminar sahaja		Seminar & Bengkel	
Daftar masuk	Daftar keluar	Daftar masuk	Daftar keluar
24/6/2019	26/6/2019	24/6/2019	27/6/2019
(Penginapan bagi 2 malam)		(Penginapan bagi 3 malam)	

- Buku *Research Methodology* akan diberikan secara **PERCUMA** bagi setiap peserta yang mendaftar.

BORANG PENDAFTARAN lengkap hendaklah disertakan dengan yuran pendaftaran. Yuran termasuk kos bahan kursus, kudapan dan makan tengahari. Bayaran melalui cek/deraf bank/pesanan kerajaan hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah Agensi Nuklear. Sila kemukakan penyata bank semasa pendaftaran sebagai bukti pembayaran.